SUARA
PDN & HEP
Bil: 8 Julai '95
ISSN 0128-5440
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Majlis Perpisahan Y.B Dato' Abdul Kadir bin Hj. Sheikh Fadzir dan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum.

PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI

Oleh: Ismail b. Hamad
Bahagian Pentadbiran & Kewangan

Majlis perpisahan ini telah diadakan pada 24 Mei 1995 jam 8.00 malam di Hotel The Legend, Kuala Lumpur. Seramai 300 pegawai dan jemputan telah menghadiri majlis bagi meraikan perpisahan dan mengenang kembali jasa-jasa Y.B. Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir, dan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum. Y.B. Dato' Abdul Kadir sebelum ini memegang jawatan Timbalan Menteri telah bertukar ke Kementerian Sumber Manusia. Manakala Y.B. Dr. Sak Cheng Lum sebelum ini memegang jawatan Setiausaha Parlimen telah bertukar sebagai Ahli Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Antara ucapan Y.B. Menteri di Majlis Perpisahan ialah "Dato' Abdul Kadir mempunyai kelebihan tersendiri. Beliau mempunyai "trade mark" iaitu gemar memakai "Bow Tie" dan selalu menyanyikan lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee dan oleh kerana minatnya begitu mendalam terhadap Allahyarham P. Ramlee, maka fesyen rambutnya juga mengikut rambut ala P. Ramlee. Bagi Dr. Sak Cheng Lum pula, di samping profesionnya sebagai Doktor Perubatan, beliau meminati seni muzik dan boleh bermain berbagai jenis alat muzik".

Kekosongan jawatan Timbalan Menteri telah diisi oleh Y.B. Dato' S. Subramaniam yang sebelum ini pernah memegang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Pertanian. Bagi jawatan Setiausaha Parlimen telah diganti oleh Y.B. Tuan Tan Chai Ho yang sebelum ini pernah dilantik sebagai Senator Dewan Negara.

Dari kiri: YB Dato' Abdul Kadir b. Sheikh Fadzir, YB Dr. Sak Cheng Lum dan Y. Bhg. Dato' Haji Shaharudin b. Haji Haron (KSU Kementerian PDN & HEP pada 1992 - 1993)

Ucapan Y.B. Menteri telah diakhiri dengan 3 rangkap pantun berikut,

Dr. Sak Dato' Kadir
Menjadi sahabat amat setia
Sudah menjadi suratan takdir
Bertemu berpisah adat manusia

Sumber manusia isu pekerjaan
Pulau Pinang destinasi pelancongan
Selamat berpisah kami ucapkan
Khidmat bakti tetap dikenang

Orang baru jangan disangsi
Subramaniam Tan Chai Ho
Tugas kita membanteras inflasi
Semoga tercapai inflasi zero

Majlis telah diraikan dengan jamuan makan dan persembahan nyanyian serta tarian dari staf Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Majlis mengucapkan selamat maju jaya kepada Y.B. Dato' Abdul Kadir dan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum. Begitu juga selamat menjalankan tugas kepada Y.B. Dato' S. Subramaniam dan Y.B. Tuan Tan Chai Ho.

> "Secara tulus ikhlas suka saya nyatakan disini, bahawa sepanjang tempoh perkhidmatan Y.B. Dato' Abdul Kadir dan juga Y.B. Dr. Sak Cheng Lum dengan saya di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna mereka berdua telah memberikan sepenuh kerjasama kepada saya dan sentiasa membantu saya dalam urusan Kementerian. Sebenarnya mereka berdua telah berada di Kementerian lebih dahulu daripada saya."
>
> *Y.B. Dato' Hj. Abu Hassan b. Hj. Omar*

INFLASI SIFAR
Tanggungan kita

DARI MEJA PENGARANG

Sempena tahun baru Hijrah 1416, kita seharusnya mengambil iktibar dari insiden-insiden yang berlaku sepanjang tahun Hijrah 1415. Pembangunan negera telah berlaku dengan pesatnya dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK pada kadar 9.9%, maka sudah tentulah ekspektasi rakyat terhadap Kerajaan semakin meninggi terutamanya daripada segi mutu perkhidmatan yang akan diberikan. Dengan era globalisasi, pegawai dan kakitangan Kerajaan haruslah meningkatkan kemahiran diri dan menjadikan setiap insiden yang telah berlaku sebagai pengajaran dalam usaha mempertingkatkan lagi kecekapan dan keefisienan.

Yang patah akan tumbuh dan yang hilang akan berganti, begitulah perumpamaan pemergian Y.B Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Timbalan Menteri dan Y.B Dr.Sak Cheng Lum, Setiausaha Parlimen KPDN & HEP. Walaupun begitu khidmat bakti daripada kedua-duanya yang tidak terhingga akan tetap dikenang sepanjang masa.

Tahniah diucapkan kepada pegawai kementerian yang menerima pingat sempena hari keputeraan DYMM Yang DiPertuan Agong.

Kempen Zero Inflasi sedang giat dijalankan oleh pihak Kementerian. Matlamat untuk mencapai Zero Inflasi bukan suatu yang mudah, ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah pengeluar, peniaga dan pengguna. Sebagai kakitangan Kerajaan kita boleh sama-sama memberikan sokongan untuk menjayakan rancangan ini melalui amalan berjimat cermat. Sebagai contoh, sekiranya setiap kakitangan Kerajaan dapat mengurangkan perbelanjaan bulanan sebanyak RM 10.00 seorang. Ini bermakna 856,000 orang kakitangan Kerajaan kali RM 10.00 1 bulan sama dengan RM 8.56 juta sebulan dapat dijimatkan. Ingat, **Inflasi Sifar Sasaran Kita.**

PETIKAN UCAPAN

Y.B. DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

" MAJLIS PENUTUP KURSUS LATIHAN KEPEGAWAIAN PERINGKAT NEGERI 1993 "

" SAYA SENTUH KEPADA ASPEK KESYUKURAN DAN KEBANGGAAN DAPAT BERKHIDMAT DAN MENGANGGOTAI ORGANISASI INI ATAS DUA KEYAKINAN. PERTAMA, SAYA YAKIN BAHAWA PERASAAN DEMIKIAN BOLEH MENCAMBAHKAN RASA SAYANG KEPADA TUGAS DAN ORGANISASI DI HATI SANUBARI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN. DAN KEDUA SAYA, BERKEYAKINAN BAHAWA SIFAT SAYANG KEPADA PERKHIDMATAN DAN ORGANISASI ADALAH KEPERLUAN ASAS BAGI MEWUJUDKAN SEMANGAT KERJA BERWASPADA DALAM SESEBUAH ORGANISASI. APABILA TUMBUH RASA SAYANG KEPADA ORGANISASI DAN PERKHIDMATAN DI SANUBARI TUAN-TUAN, SUDAH TENTUNYA TUAN-TUAN AKAN MENJAGA NAMA BAIK ORGANISASI DAN PERKHIDMATAN TUAN-TUAN".

KANDUNGAN

1 Patah Tumbuh Hilang Berganti *Majlis Perpisahan Y.B. Dato' Abdul Kadir b. Hj Sheikh Fadzir dan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum*
2 Dari Meja Pengarang
3 Majlis Bersama Jabatan
4 Membangun Rasa Kekitaan Dalam Organisasi
5 Celoteh Bulan Ini
6 Principle-Centred Leadership : *A New Paradigm*
7 Fikir Gaya Pengurusan Organisasi
7 Profil: *Timbalan Menteri Dan Setiausaha Parlimen Kementerian*
8 Informasi
10 Akauntabiliti Awam: *Konsep Dan Amalannya*
11 Puspanita Kementerian: *Majlis Ramah Mesra*
12 Mesyuarat Agung Kelab PDNP
12 Sukan Syarikat Minyak
13 Maal Hijrah
13 Tahniah
13 Majlis Makan Malam
14 Perkhidmatan
16 Kursus

Semua penyumbang Essei, pandangan dan apa jua penulisan bagi faedah anggota organisasi Kementerian hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarang,
"Suara PDN & HEP"
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,
Tingkat 23, Menara Maybank,
100 Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur

SIDANG PENGARANG:
PENASIHAT - Idrus bin Omar (TKSU II)
KETUA PENGARANG - Ismail bin Hamad *PENGARANG* - Mohtar bin Hani - Roslan bin Mat Nong - Farah bte Moaidin - Che Halim bin Abd Rahman - Nur Hijjah bte Alias - Abdullah Nawawi bin Mohamed
Pengedar - Yusni bin Shariff *Rekabentuk* - WYRE Creative *Percetakan* - Hikmah Enterprise

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Oleh : Farah bt. Moaidin
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNP) telah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada 22 Disember 1994 dan di pengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Semua ahli MBJ adalah seramai 46 orang. Pihak pengurusan terdiri daripada 15 orang dan pihak pekerja seramai 31 orang. Tujuan Majlis adalah untuk memperolehi seluas-luasnya kerjasama yang menyeluruh diantara Pengurusan Kementerian dengan Pegawai-Pegawai dan kakitangan. Majlis ini sebagai forum menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan, dan secara amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja melalui wakil-wakil rasmi Kementerian.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

PIHAK PEGAWAI

PENGERUSI
Ketua Setiausaha,
Kementeruan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna.
(Y. Bhg. Datuk Samsudin B. Osman)

PENGERUSI GANTI / AHLI
Timbalan Ketua Setiausaha I
(Tuan Haji Alias bin Sulaiman)

Timbalan Ketua Setiausaha II
(Encik Idrus bin Omar)

AHLI-AHLI
Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
(Yang Mulia Raja Ismail bin Dato'Raja Mohamed)

Ketua Penolong Setiausaha (P)
(Tuan Haji Saleh bin Haji Yusuf)

Ketua Penolong Setiausaha (K)
(Encik Wong Chai Looi)

Pengarah Penguatkuasa
(Tuan Hj. Abdul Jabar bin Kamin)

Pendaftar Syarikat
(Encik Ramly bin Haji Ali)

Pengarah Hal Ehwal Pengguna
(Encik Mohd. Iqbal bin Mohd. Shafi)

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri
(Tuan Haji Mohd. Adzib bin M. Isa)

Pengarah Harta Intelek
(Puan Hafisah bte Mustaffa)

Setiausaha Bahagian Perancangan Dan Pembangunan
(Puan Hjh. Aminah bte Pit Abdul Rahman)

Pendaftar Perniagaan
(Tuan Haji Abdul Kadir bin Omar)

Pengurus Bahagian Sistem Maklumat
(Encik Wan Rosdi bin Wan Dollah)

SETIAUSAHA BERSAMA :
Penolong Setiausaha (T) II
(Cik Farah bte Moaidin)

PIHAK PEKERJA

NAIB PENGERUSI :
Encik Che Halim bin Abdul Rahman
Bahagian Perdagangan Dalan Negeri.

AHLI-AHLI :
Pegawai Ehwal Ekonomi
Encik Mohd. Zanyuin bin Ismail, (ROC)
Encik Mohd Nasir bin Mahmood, (BHI)
Penolong Pegawai Penguatkuasa
Encik Othman bin Nawang, (PGK)
Encik Razali bin Lebai Saleh, (PGK)
Pembantu Ehwal Ekonomi
Encik Mustaffa bin Pandak Ahmad, (ROB)
Penolong Pegawai Tadbir
Puan Maria bte Talib, (P&K)
Pembantu Tadbir
Puan Zaharah bte Khalid (N7)
ROB
Encik Zainal Abidin bin Jalal (N9)
PGK
Puan Zainab bte Hussin (N9)
ROC
Encik Shahzul Bakri bin Jamaludin (N9) *P&K*
Puan Azizah bte Adam (N9)
P&K
Jurutrengkas / Jurutaip
Puan Zainon bte Abdul Hamid (N9)
PGK
Puan Zaiton bte Omar (N9)
BHI
Pembantu Am Rendah
Encik Talib bin Harun, P&K
Pemandu
Encik Mohd. Rasidi bin Ramli, ROB
PAR
Encik Hamzah bin Hassan, ROC
Pencari Fail
Encik Abdul Rahman bin Abdul Wahab, PGK
Jaga
Encik Rahim bin Dasuki, PGK
Penyelenggaraan Stor
Encik Ahmad bin Abu Bakar, PGK
PAR
Juruanalisa Sistem
Encik Hamzah bin Mohd Nor, *OMPD*
Puan Zuraidah bte Marjanon, BSM

ZON UTARA (PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG)
Puan Hapsah bte Salleh,
ROB (Kedah)

ZON TENGAH (PERAK, SELANGOR DAN W. PERSEKUTUAN)
Encik Abdul Halim bin Pakri,
PGK. Perak

ZON SELATAN (NEGERI SEMBILAN, MELAKA DAN JOHOR)
Encik Azmy bin Malek,
ROB (Johor)

ZON TIMUR (PAHANG, TERENGGANU DAN KELANTAN)
Encik Abu Hassan bin Kassim,
ROC (Trg.)

SABAH
Encik Awang Sahabudin bin A. Dahalan, *PGK.*
Encik Mohd. Yassin bin Abdul Malek, *ROC*

SARAWAK
Encik Abdul Rosik bin Yakub, *PGK*
Encik Ahmad Tarmizi bin Hussin, *ROC*

SETIAUSAHA BERSAMA
Encik Mohd. Sharif bin Osman, *PGK.*

MEMBANGUNKAN RASA KEKITAAN DALAM ORGANISASI

Oleh: Mohtar b. Hani
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

1 Sebahagian besar daripada kita seringkali menentukan dan ingin mencapai matlamat kita tanpa mengambil kira dan meneliti apakah faktor-faktor yang penting yang boleh membantu pencapaian matlamat yang kita tetapkan. Sama ada kita berada di sektor kerajaan mahupun swasta kita lebih menekankan kepada pencapaian matlamat tetapi penekanan yang serupa jarang kita lakukan mengenai bagaimana matlamat itu akan kita capai.

2 Setiap organisasi yang terdiri dari pelbagai individu ia mempunyai hubungan yang berbentuk organik. Tiap-tiap individu di dalam organisasi mempunyai peranan masing-masing yang saling bergantungan dan saling melengkapi. Tambahan pula setiap organisasi pada masa ini adalah berada dalam persekitaran yang dinamik (Burns dan Stalker) yang mana struktur organisasi yang berbentuk organik adalah lebih sesuai.

3 Dalam organisasi yang mempunyai struktur yang berbentuk organik ini bersepaduan antara anggota organisasi juga perlu berbentuk organik juga. Saling bergantungan, saling memerlukan dan saling melengkapi tanpa mengira apakah posisi individu berkenaan di dalam organisasi. **Persefahaman, tolak ansur dan permuafakatan merupakan elimen yang sangat penting. Semua anggota perlu memahami apakah sebenarnya matlamat dan prosedur bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.**

4 Walaubagaimanapun adakah semua anggota organisasi menerima layanan yang sewajarnya seperti yang dikehendaki di dalam struktur organisasi berbentuk organik khususnya para pekerja. Tidak dapat disangkal sama sekali bahawa pekerja adalah aset yang paling berharga kepada organisasi. Tetapi para pengurus biasanya beranggapan bahawa para pekerja / kakitangan ba-wahannya sentiasa berkehendakkan insentif berbentuk tradisional (ganjaran kewangan, promosi atau keselamatan pekerjaan). Pandangan dan tanggapan sedemikian didapati sudah tidak releven lagi di masa ini dan insentif sedemikian belum pasti dapat meningkatkan motivasi para pekerja dan ka-kitangan bawahan.

5 Kajian yang telah di lakukan oleh Rulgers University terhadap beberapa buah syarikat terkemuka mendapati bahawa kesanggupan para pekerja untuk melakukan tugas dengan lebih cemerlang bukan bergantung kepada ganjaran-ganjaran yang berbentuk tradisional tetapi lebih merujuk kepada perkara-perkara berikut :-

- Mereka benar-benar dihormati sebagai manusia
- Kebajikan anggota dalam organisasi sentiasa diambilkira
- Maklumat yang lengkap mengenai apakah tugas dan tujuan organisasi.
- Alasan yang jelas dan jujur ke atas dasar yang dilaksanakan.
- Majikan menunjukkan bukti bahawa mereka benar-benar mengambil tahu.
- Majikan mermbantu pekerja mencapai matlamat individunya.

6 Kebanyakkan daripada kita apabila kita berusaha meningkatkan motivasi para pekerja atau kakitangan bawahan kita, kita sering menggunakan pendekatan kita memutuskan terlebih dahulu apa yang kita mahu dan berusaha sedaya upaya meyakinkan kakitangan bawahan kita mengenai apa yang kita mahu. Dalam keadaan ini kita lebih mengutamakan matlamat kita tanpa menyedari bahawa barangkali matlamat tanpa memberi jalan bagaimana matlamat ini dapat dicapai. Nepoleon Bonarparte adalah sebaliknya, beliau menyelidik apakah sebenarnya yang diperlukan oleh orang-orang bawahannya dan berusaha untuk memenuhi keperluan mereka terlebih dahulu sebelum berusaha mencapai matlamatnya sendiri.

7 Perlu disedari bahawa pada hakikatnya semua individu di dalam organisasi memang ingin menghasilkan produk atau hasil kerja yang terbaik (perfect) atau "zero clerical erros". Walau-bagaimanapun, seringkali berlaku ke-silapan terhadap hasil kerja. Kesilapan berkenaan barangkali berpunca daripada persekitaran atau kaedah yang ditetapkan. Pakar-pakar pengurusan mengesyorkan supaya pendekatan yang berbentuk humanistik digunakan bagi memperbaiki sebarang kesilapan. Ianya penting kerana ia bukan sahaja dapat menjamin keutuhan maruah pekerja dan juga sebagai gambaran bahawa majikan masih dapat membuat pertimbangan yang waras tanpa dipengaruhi oleh emosi peribadinya

8 Kegembiraan pekerja adalah penting kepada peningkatan atau kecemerlangan hasil kerja. Tiga cara untuk mengukur kegembiraan ditempat kerja iaitu dengan meminta pekerja untuk menyatakan setakat manakah organisasi itu bererti kepadanya, bersemuka dengan pekerja untuk mendapatkan gambaran mengenai "morale" pekerja dan galakan mereka mengemukakan pandangan atau pendapat. Untuk lebih berkesan buat perhubungan atau komunikasi dengan keseluruhan anggota organisasi di semua peringkat. Jadikan

organisasi sebagai gaya hidup dan bukan hanya tempat bekerja, libatkan mereka dalam perbuatan keputusan dan beri mereka rasa memiliki terhadap organisasi dan gunakan pendekatan yang humunastik kerana seseorang itu akan dapat melakukan satu tugas dengan lebih cemerlang jika mereka dengan sukarela hendak atau ingin melakukannya

9 *"Pride is the first requirement for performance"*. Tidak mungkin seseorang itu dapat menghasilkan kerja yang

Gambar hiasan

terbaik jika ia tidak merasa bangga dengan kerjanya. Tidak mungkin juga seseorang pekerja akan merasa bangga dengan hasil kerjanya jika hasil kerjanya itu tidak mempunyai nilai dan tidak dihargai oleh organisasi. Oleh itu, adalah penting untuk mempastikan bahawa setiap anggota organisasi memahami betapa penting kehadirannya kepada organisasi. Bertanya kepada diri sendiri jika saya sebagai ketua apa yang saya mahu dari orang bawahan saya begitu juga sebaliknya jika saya orang bawahan apa pula layanan yang saya harapkan dari ketua-ketua saya. Kita perlu mempertimbangkan bahawa setiap anggota sebagai ahli keluarga yang patut diberi layanan yang adil dan sewajarnya.10. Ahli-ahli organisasi patut dibentuk supaya berani dan mampu memberikan pandangan kepada ketua 'someone who's not afraid to say' 'boss you're wrong'. Ketaatan sarbodinate kepada ketua itu penting tetapi bukan menjadikan sarbodinate sebagai mata dan telinga ketua/boss. Usaha-usaha untuk mengekalkan atau meningkatkan 'morale' di kalangan anggota organisasi adalah merupakan faktor kritikal kepada kereleven dan keutuhan sesebuah organisasi.

KAWAN KU

Mei pertama detik bermula
Kepada peserta-peserta semua
Untuk berkumpul bersama-sama
Dalam melaksanakan misi pertama

Apabila baru diperkenalkan
Terasa malu terasa segan
Tetapi setelah diberikan jalan
Semua yang berat menjadi ringan

Kawan Ku,

Selama kita berada di sini
Susah senang bersama ditempuhi
Jalinan mesra kami kembangi
Bantu-membantu amalan kami

Oh Kawan Ku,

Detik perpisahan hampir tiba
Entah bila dapat bersua
Berat rasa di dalam dada
Bersama-sama memendam rasa

Pabila pulang semangat ditanamkan
Segala ilmu ditimba haruslah ditetapkan
Kepada peserta-peserta satu kumpulan
Berazam meninggikan mutu perkhidmatan

Oleh : Mohd Taib B. Azhar
Bahagian Penguatkuasa (Cawangan Kajang)
Sajak deklamasi semasa Majlis Penyempurnaan Kursus
Induksi Umum dan Khusus kumpula 111. Bil 1/95
Pada 20 mei 1995

CELOTEH BULAN INI

Oleh : Ninja Kota

Sinar Budi II telah diadakan di Pertak, Kuala Kubu Bahru, Selangor. Kursus ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KPDN&HEP. Ninja Kota dapati banyak iktibar yang boleh kita pelajari daripada kursus ini. Antaranya ialah menghayati nilai-nilai teras bekerjasama, amanah, komited dan adil atau ringkasnya BAKA. Nilai-nilai teras seperti bekerjasama perlu dihayati di mana-mana jua, bukan sahaja di tempat bekerja malahan di luar tempat bekerja. Sebagai contoh apabila kita mengikuti kursus, kadang-kadang kita terpaksa berhadapan dengan pihak Urusetia yang lebih 'Junior' daripada kita. Walaupun mereka lebih junior sebagai Urusetia kita, Kita perlu menghormati dan mengikut arahan-arahan yang diberikan. Keupayaan kita berbuat demikian termasuk konsep pengertian bekerjasama. Ninja Kota rasa, dalam keadaan tertentu kita perlu bertindak secara rasional, sikap emosional perlu kita ketepikan. Ini penting bagi mengelakkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini. Umpamanya seperti insiden yang berlaku di Sinar Budi II. Si senior tidak sanggup terima nasihat dan teguran daripada si junior. Dalam masa yang sama, si junior perlulah berhati-hati terutamanya mengenai cara memberi teguran dan nasihat kepada si senior agar tidak ada orang yang akan terasa tersinggung. Ninja Kota rasa walau daripada siapapun teguran kita terima, janganlah cepat melenting kita sepatutnya berfikir dahulu sebelum membuat tindakan mungkin ada kebaikan disebalik teguran itu. Ninja Kota menyedari, kita hanyalah manusia yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan; bak kata pepatah melayu, Bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan laut mana yang tidak bergelora.

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

Hari Keluarga 1994 telah 8 bulan berlalu. Namun begitu Ninja Kota dengar dari pada seorang Hamba Allah beliau masih belum lagi mendapat hadiah cabutan bertuah sebuah basikal Mauntain Bike. "Kesian kat mereka dan keluarga mereka" hari demi hari menunggu dan janji tinggal janji ..... Ninja Kota rasa kalau kita dah berjanji tolong kotakan. Kepada yang berkenaan tolonglah prihatin sikit dan jagalah kebajikan ahli.

Ninja Kota - pakai topeng bila tidak tunai janji.

PRINCIPLE-CENTRED LEADERSHIP: A NEW PARADIGM

By: James M. Alin
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

Stephen R Covey in his recent book *"Principle - Centred Leadership"* introduces a new paradigm - that we lead by living our lives according to principles. Principles surface in the form of values, norm and teachings that uplift, ennoble, fulfil, empower and inspire people. There are different aspects of principle - centred leadership discussed in the book. In this article I have chosen to highlight principle - centred power and to discuss its effect on organisations and people.

One reason why followers follow is out of fear of what might happen if they do not. As a result, workers "get along by going along." This maybe called coercive power.

The leader who controls through fear will find that such control is reactive and temporary. Follower's commitment remains superficial and is gone when the leader or the controlling system changes.

A second reason why followers follow is because of the benefits they can get from doing so. This may be called utility power because the power relationship is based on the useful exchange of goods services. These followers operate on the belief that the leader can and will do something for them if they maintain their part of the bargain by doing something for the leader. People are rewarded for their individual ideas and contributions to the leader. However, group effectiveness may suffer when individuals do not see themselves as part of a team but as mobile workers moving to where their individual wants and needs are met.

Given this flighty mindset, the commitment to work relationship lasts as long as there is a pay off for both parties. Presumably, much of what happens in the normal operations of organisations, including the civil service, is fuelled by utility power.

A third reason is based on principle - centred power. Followers follow because they believe in their leaders and their cause.

The hallmark of principle - centred power is sustained influence which is not dependent on whether or not something desirable or undesirable happens to the follower. Principle - centred power is created when the values of the followers and the leader overlap. The personal agendas of both leader and followers are encompassed by a larger purpose.

The more leaders are honoured, respected and genuinely regarded by others, the more principle - centred power the will have others. In this book, Covey suggests ten principles that will increase a leader's honour and power with his followers. Contrary to the popular belief that power connotes raw strenght, these qualities suggested by Covey appear "soft."

Persuasion
making a strong case for your position while maintaining a geuine respect for followers ideas and perspectives.

Patience
with the process and the person

Gentleness
not harsh when dealing with vulnerabilities and feelings.

Teachableness
always curious, assuming that you do not have all the powers and being willing to value different viewpoints.

Acceptance
with holding judgement, giving the benefit of doubt.

Kindness
sensitive, caring and always remembering the little things.

Openess
always willing to acquire accurate information and perspective about followers intentions rather than focusing on the behaviour.

Compassionate Confrontation
acknowledging mistakes and need for followers to make " course corrections."

Consistency
so that your leadership style is not a manipulative technique that you bring into play when you do not get your way.

Integrity
honestly matching words and feeling with thought and actions.

In the real word, a combination of utility and principle - centred power is probably at work. Both are legitimate means to achieving organisational goals.

At one level, organisations like the civil service offer wage structures that reward good performance (SSB). Annual appraisals allow superiors to convey satisfaction (or otherwise!) of work performed. This compact reflects utility power at work.

But there is another level where subordinates are motivated to put in superlative performance because they are convinced that organisation's and the leader's goal are aligned with their own. Subordinates do not suffer cognitive dissonance and they find new ways to improve and make work more challenging. The sense of ownership is also higher.

Utility power suggests an economy of effort on the part of the leader since the reward structure provides the propelling force for subordinates. This method of leadership is probably effective in an environment which does not undergo much

continue at page 7

FIKIR GAYA PENGURUSAN ORGANISASI



(Petikan dari analisis Blake & Mutton)

NOTA

1'1 Kedua-dua kepentingan kebajikan anggota organisasi dan kepentingan output/produktiviti/ hasil kerja tidak menjadi keutamaan.

1'10 Kebajikan anggota organisasi diberi perhatian penuh, tetapi produktiviti/output/hasil kerja tidak diberi perhatian sewajarnya.

10'1 Penekanan hanya diberi kepada hasil kerja produktiviti/output tetapi kebajikan anggota organisasi tidak diberi perhatian langsung.

10'10 Kedua-dua kepentingan produktiviti/output hasil kerja dan kebajikan anggota organisasi diberi perhatian yang utama dan seimbang.

Mengikut pandangan anda dimanakah gaya pengurusan organisasi tuan/puan berada pada masa ini. Sila tandakan dalam kotak yang tuan/puan fikirkan sesuai.

TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN BARU KEMENTERIAN

Mei 1995, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna mendapat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang baru selepas Pilihanraya Umum pada 25 April, 1995.

Y.B. Dato' S. Subramaniam - Timbalan Menteri menggantikan Y.B. Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang bertukar Kementerian. Sebelum bertugas di Kementerian ini, Dato' S. Subramaniam pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Pertanian. Y.B. Dato' S. Subramaniam dilahirkan di Slim River, Perak pada tahun 1944 dan mendapat pendidikan di Sekolah Tinggi Klang dan St. John's Institution. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan pada 1974 beliau memperolehi Ijazah Sarjana dari Universiti yang sama.

Y.B. Dato' S. Subramaniam dianugerahkan Pingat Setia Mahkota Johor (S.M.J) pada tahun 1984 oleh Sultan Johor, Anugerah Setia Negeri Sembilan yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1985 dan Anugerah Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Kedua (D.P.M.J) pada tahun 1989.

Y.B. Tuan Tan Chai Ho - Setiausaha Parlimen menggantikan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum yang kini menjadi Ahli Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jawatan Setiausaha Parlimen merupakan tugas baru bagi Y.B. Tuan Tan Chai Ho. Sebelum ini, beliau merupakan seorang ahli perniagaan dan juga sebagai Senator Dewan Negara bagi tahun 1986 - 1990. Beliau dilahirkan di Kuala Lumpur pada tahun 1949.

Y.B. Tuan Tan dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.) dan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Yang Di Pertuan Agong.

from page 6

change and where high level of initiative is not required from subordinates. In today's changing environment, however, it is not important for leaders to take time to impart a common sense of values and mission to their followers.

The common instincts developed and shared by followers create a more flexible and dynamic organisation - the up - front investment in creating the right culture required for the exercise of principle - centred power has to be made on recruitment practices, communication and information systems, "management by walking around" etc. This will require a lot of effort from those leading but, in the long run, such efforts will pay off as individuals in organisations act in harmony as a team and follow their leaders out of respect and belief in what they stand for.

INFORMASI

Sambutan Hari Pengguna Sedunia 1995 adalah merupakan sambutan bagi kali yang *keempat* dianjurkan oleh Kementerian.

Majlis ini diadakan pada 2 Jun 1995 di Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Sambutan ini melambangkan pengiktirafan dan komitmen Kerajaan terhadap kepentingan aspek-aspek kepenggunaan dalam konteks pembangunan negara ke arah pencapaian wawasan 2020.

Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia *(Consumer Rights Day)* adalah diraikan pada 15 Mac setiap tahun oleh *'International Organization Of Consumer Unions'*. Di Malaysia Hari Pengguna Sedunia secara rasmi telah diadakan pada 15 Mac 1992 dan dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Pejabat Pendaftaran Syarikat Kuala Lumpur juga menyediakan khidmat menyemak maklumat syarikat melalui fail.

Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Kuala Lumpur memberikan khidmat kaunter yang selesa dan mesra kepada pelanggan . Suasana ini boleh dilihat di Tingkat 10, Putra Place, Jalan Putra, Kuala Lumpur.

Ini adalah alat 'microf lem reader printer'. Ia berfungsi u ntuk membaca dokumentasi paten Amerika Syarikat. Maklumat paten diterima dalam bentuk microfilem dan digunakan oleh Pegawai Bahag an Harta Intelek untuk semakan dan penyel dikan. Peralatan ini di tempatkan di tingkat 1 , Menara Maybank, Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Dato' Dr. Shamsuddin b. Kassim adalah KSU KPDN & HEP pertama ketika penubuhan Kementerian pada 27 Oktober 1990 dan bersara pilihan pada 1 Mei 1992. Selepas bersara beliau berkhidmat di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah sebagai Naib Canselor.

Y. Bhg. Dato' Dr. Shamsudin (kanan) turut hadir di Majlis Hari Pengguna Sedunia Kali ke 4 pada 2 Jun 1995 di Pusat Islam, Kuala Lumpur. (Gambar tertera bersama beliau ialah Y. Bhg. Datuk Samsudin b. Osman - KSU Kementerian).

Kementerian telah memenangi Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik 1993, Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik diberikan kepada Kementerian atas dasar dapat menggubal piagam mengikut kriteria yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan dan Kemajuan Awam Bil.3 Tahun 1993 yang bertajuk "Panduan Mengenai Piagam Pelanggan".

Tokoh Pengguna 1994 ialah Profesor Dr. Sothi Rachagan. Beliau ialah Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya. Setiap tahun Kementerian akan memilih individu yang berjaya dalam konteks kepenggunaan. Berikut ialah individu yang terpilih sebagain tokoh pengguna :

Tuan Haji Yusof b. Ahmad	Tokoh Pengguna 1991
Encik Bisan Singh	Tokoh Pengguna 1991
Encik Mohd Hamdan Hj Adnan	Tokoh Pengguna 1992
Puan Josie Zaini	Tokoh Pengguna 1993

PERPUSTAKAAN KPDN & HEP

Y.B. Dato' Menteri sedang memotong reben sempena Majlis Perasmian Perpustakaan KPDN & HEP pada 15 Disember 1992.

Perpustakaan KPDN & HEP telah dibuka dengan rasminya pada 15 Disember 1992 oleh YB Dato' Menteri. Upacara ini telah dijadikan sebagai salah satu acara Sambutan Hari Q Kementerian. Dengan berlangsungnya upacara itu, ia bukan sahaja melambangkan komitmen Kementerian ini terhadap pergerakan kualiti dalam Perkhidmatan Awam malah telah menyempurnakan impian Kementerian untuk mengujudkan Pusat Sumber sendiri yang akan dimajukan mengikut keperluan sebenar.

2. Perpustakaan ini sekarang boleh memberi perkhidmatan asas seperti pinjaman buku-buku rujukan dan sudut bacaan majalah serta penerbitan. Buku-buku yang dimuatkan pada masa ini adalah dalam bidang-bidang umum dan seperti Undang-undang Kerajaan, ekonomi, pemasaran dan pengurusan. Ada juga terdapat beberapa buah buku mengenai konsumerisme. Sehingga 3 Januari 1993 kira-kira 400 judul buku telah diperolehi yang mana boleh dipinjam.

3. Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan pinjaman di antara perpustakaan (Inter Library Loan) melalui sistem perkongsian maklumat di antara perpustakaan di seluruh negara khususnya di sekitar Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini akan diperolehi sekiranya Perpustakaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjadi ahli konsortium sistem pembekalan penerbitan yang diselenggarakan oleh Perpustakaan Negara. Tindakan akan diambil untuk menjadi ahli konsortium ini.

4. Kementerian juga bercadang untuk menjadikan Perpustakaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Perpustakaan yang "specialised" dalam bidang perdagangan dalam negeri, konsumerisme dan harta intelek. Oleh itu Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan seberapa banyak buku-buku dan penerbitan yang mungkin dalam bidang-bidang tersebut.

Sumbangan:
Perpustakaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Y.B. Dato' Menteri menjadi peminjam buku yang pertama bagi Perpustakaan Kementerian pada 15 Disember 1992.

AKAUNTABILITI AWAM
KONSEP DAN AMALANNYA

Oleh : Roslan Mat Nong
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri

PENDAHULUAN

Persoalan akauntabiliti dan tangggungjawab pengurusan adalah isu penting di dalam pentadbiran sesebuah negara. Isu ini menjadi bertambah penting jika pentadbiran sesebuah negara itu mementingkan produktiviti dan mutu keberkesanan jentera pentadbirannya.

Sifat-sifat akauntabiliti penjawat awam, pemimpin-pemimpin, ahli-ahli profesional dan individu-individu adalah sesuatu yang perlu di tekankan dalam masyarakat demi mencapai matlamat negara. Kejadian-kejadian yang melibatkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa mendedahkan suatu gejala penyakit keruntuhan moral dan menjejaskan etika sesuatu profesion. Kejadian ini menggambarkan suatu aliran negatif dalam pentadbiran dan boleh menjejaskan kewibwaan seseorang pemimpin dan seterusnya kerugian kepada masyarakat dan negara.

KONSEP AKAUNTABILITI

'Accountability' dalam bahasa Inggeris bermaksud responsibility atau tangg-gungjawab yakni konsep dan proses membuktikan hakikat menunaikan tang-gungjawab.

Istilah akauntabiliti mempunyai unsur teknikal kerana perkataan itu datang daripada kalimat`account` yakni menyediakan kira-kira urusan dan *'accountable'* bermakna kewajipan mengemukakan 'penyata akaun' dari masa ke semasa.konsep akauntabiliti telah digunakan dengan begitu meluas dan sering diperkatakan dalam konteks berbeza-beza.

Terkandung dalam definasi ini ialah satu timbunan obligasi perundangan, moral dan etika dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Secara ringkasnya ia meliputi tanggungjawab untuk menjalankan sesuatu aktiviti dengan cara yang bertanggungjawab, responsif dan melaporkan kembali kejayaan atau kegagalannya.

Akauntabiliti sebagai satu peraturan atau"*a regime for check and balance*" telah mula diperkenalkan semenjak 2,300 tahun dahulu. Dengan menggunakan prinsip-prinsip ilmu perakaunan ahli-ahli ekonomi telah memajukan konsep *social accounting* untuk mengukur dan menilai pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara.Konsep *'social accounting'* dengan unsur-unsur nilai akhlak (moral values) boleh digunakan sebagai satu *mechanism* untuk menilai prestasi pengurus atau pemimpin samada mereka menunaikan kewajipan masing-masing mengikut apa yang dijanjikan oleh mereka menerusi beberapa proses pentadbiran.

Di dalam Islam, konsep akauntabiliti adalah merupakan satu hukum Allah yang tersirat di dalam ilmu Tauhid (iaitu ilmu tentang kepercayaan kepada Allah, Al-Quran dan Hari Kiamat). Terdapat banyak ayat Al-Quran yang mengingatkan manusia bahawa mereka akan dibicara dihadapan Allah atas segala amalan mereka semasa hidup di dunia. Salah satu daripada ayat-ayat Al-Quran tersebut yang bermaksud :

"Bagi Allah apa-apa yang dilangit dan apa-apa yang di bumi, jika kamu dilahirkan atau kamu sembunyikan apa-apa yang dalam hatimu, nescaya diperhitungkan Allah jua".
(Surah Al Baqarah : Ayat 284)

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang diberi amanah atau kuasa untuk mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan manusia akan bertanggungjawab kepada Allah, punca segala kuasa dan keberkatan. Apabila dikaitkan dengan perkhidmatan awam, 'akauntabiliti' membawa makna setiap pegawai awam adalah 'accountable` kepada rakyat dan berkewajipan untuk memberi maklumat mengenai perlaksanaan tugas yang telah diamanahkan itu.

Penilaian tentang akauntabiliti boleh dicapai melalui cara-cara formal dan tidak formal. Cara formal adalah melalui saluran-saluran dan struktur pentadbiran yang sedia ada sementara cara-cara informal adalah melalui laporan persidangan akhbar, temubual dan perjumpaan-perjumpaan awam.

KEPENTINGAN AKAUNTABILITI

'Akauntabiliti berfungsi sebagai satu mekanisma untuk mengukur perlaksanaan suatu tanggungjawab. Untuk memahami konsep ini kita perlu menggunakan satu analogi yang paling mudah : Andaikan dua orang memegang tali, sekiranya kita me-ngetahui siapa yang memegang di hujung sini, maka kita juga mesti tahu siapa pula yang memegang tali di hujung sana!. Ini bermakna kedua-kedua pihak mesti bekerjasama untuk mengikat tali tersebut disamping mengawasi geraklaku antara satu sama lain. Dengan lain perkataan, satu pihak adalah bertanggungjawab kepada satu pihak yang lain.

KESIMPULAN

Perkhidmatan awam yang diamanahkan dengan sumber-sumber awam dan authoriti yang digunakan untuk mencapai matlamat yang diharapkan, mempunyai tanggungjawab moral untuk *'fully accountable'* terhadap tindak tanduk mereka. Semua pegawai awam adalah 'accountable` kepada masyarakat atau rakyat yang memberikan mereka sumber-sumber untuk melaksanakan program-program kerajaan. **Apa yang jelas disini ialah bahawa akauntabiliti pegawai-pegawai awam adalah "part and parcel of good and responsible goverment".**

Akauntabiliti adalah sesuatu yang amat penting untuk dilaksanakan dan pentadbiran awam. Ini adalah kerana pentadbir awam diberi amanah untuk melaksanakan tanggungjawab dan melindungi hak orang-orang awam. Akauntabiliti dianggap sebagai mekanisma yang dapat mengawal atau mengukur sejauhmanakah tanggungjawab ini dapat dipikul oleh mereka. Akauntabililti awam akan hanya dicapai sepenuhnya jika pentadbir awam mempunyai nilai moral, etika kerja, kejujuran dan penuh berhati-hati di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

MAJLIS RAMAH MESRA PUSPANITA KEMENTERIAN

Jawatankuasa Puspanita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna pada 24 Jun 1995 telah mengadakan Majlis Ramah Mesra. Majlis telah dihadiri oleh Y. Bhg. Datin Wan Noor Bt. Wan Daud isteri kepada Y.B Datuk Abu Hassan Bin Hj. Omar selaku Penaung, Ahli-ahli Jawatankuasa Puspanita dan isteri-isteri Pegawai kanan Kementerian.

Majlis Ramah Mesra diadakan bertujuan

- memperkenalkan isteri Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang baru
- memperkenalkan Jawatankuasa baru bagi Sesi 1995/97
- menggalakan isteri-isteri pegawai kanan bergiat sama dalam aktiviti Puspanita Kementerian.

JAWATANKUASA PENGURUSAN PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA BAGI SESSI 1995/1997

Penaung
Y. Bhg. Datin Wan Noor bt. Wan Daud

Penasihat
Y. Bhg. Datuk Samsudin Osman

Pengerusi
Y. Bhg. Datin Suslita Abdul Majid

Timbalan Pengerusi
Puan Noor Ein Mohd Noor

Setiausaha
Puan Siti Fatimah bt. Mohamad (PGK)

Penolong Setiausaha
Puan Samsiah Ismail (BSM)

Bendahari
Puan Maria Talib (T&K)

Penolong Bendahari
Puan Noraini Abdullah (BHI)

Ahli Jawatankuasa Tetap

TKSU II
(Puan Aishah Othman)

Bahagian Penguatkuasa
(Puan Fatimah Affan)

Pendaftar Syarikat
(Puan Zaleha Yusuf)

Pendaftar Perniagaan
(Puan Habibah Majit)

Hal Ehwal Pengguna
(Puan Naziran Bibi Yaacob)

Perdagangan Dalam Negeri
(Puan Mahanom Johari)

Harta Intelek
(Puan Hafisah Mustafa)

Perancangan & Pembangunan
(Puan Aminah Pit Abdul Rahman)

Sistem Maklumat
(Puan Mariamah Abdul Ghani)

8 Orang Ahli Jawatankuasa Biasa

The Mall
Cik Shareena Mohd Ghazee (ROC)
Puan Halijah Sandiman (PGK)
Puan Zainon Hamid (PGK)
Pn. Siti Fatimah Mohamed (PGK)

Menara Maybank
Che Zuraidah Abd. Rahman (HI)
Hjh. Rakiah Daud (T&K)
Wan Faridah Meor Jamaluddin (PDN)
Pn. Noraini Dahalan (HI)

2 orang pemeriksa Kira-kira
Pn. Ainol Mardiah Abd. Karim (PDN)
Cik Nur Hijjah Alias (T&K)

2 orang Pemegang Amanah
Pn. Saadiah Mohamed (HEP)
Cik Fauziah Md Sin

Wakil-wakil Bahagian Bhg. Penguatkuasa
Puan Bahariah Hj. Wahid

Pend. Syarikat
Puan Shareena Mohd Ghazee

Pend. Perniagaan
Puan Zaileni Kassim

Pent. & Kewangan
Cik Farah Moidin

Hal Ehwal Pengguna
Puan Raja Norhayati Rj. Abd. Rahman

Perd. Dalam Negeri
Puan Normah Sheikh Abdullah

Harta Intelek
Puan Norhayati Md.Lazim

Per. & Pembangunan
Puan Jayswanta Kaur

Sistem Maklumat
Puan Rosetimah Mohd. Nasir

Ahli-ahli PUSPANITA Kementerian turut serta di Majlis Ramah Mesra.

Datin Hjh. Wan Noor bt. Wan Daud bergambar kenangan dengan Ahli Jawatankuasa Puspanita Kementerian pada 24 Jun 1995.

MESYUARAT AGUNG

Oleh : Ismail B. Hamad
Bhg. Pentadbiran dan Kewangan

AJK Kelab PDNP 1994/95 bergambar dengan Y. Bhg. Datuk KSU Kementerian - Penaung Kelab semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Kali Ke 4 pada 17 Jun 1995.

Mesyuarat Agong Kelab kali ke empat telah diadakan pada 17 Jun 1995 jam 9.30 pagi di Dewan Thearatte, Tingkat 25, Putra Place, Jalan Putra, Kuala Lumpur. Mesyuarat Agong kali ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg Datuk Samsudin bin Osman - KSU Kementerian. Antara ucapan Y. Bhg. Datuk KSU ialah semoga ahli-ahli terutamanya kakitangan Kementerian dapat menjalinkan persefahaman dan bersatupadu. Y. Bhg. KSU juga mencadangkan jawatankuasa kelab merancang projek ekspidisi menjelajah Malaysia disamping mengadakan projek gotong-royong di tempat-tempat tertentu semasa ekspidisi.

Mesyuarat Agong Kali ke empat bertujuan :-

i mengesahkan Minit Mesyuarat Agong Kali Ke 3 ;
ii membentang laporan kewangan berakhir pada 31 Disember 1994 ;
iii melaporan aktiviti sepanjang tahun 1994 ;
iv membentang rancangan aktiviti bagi tahun 1995 ;
v membentang cadangan pindaan Perlembagaan Kelab.

Minit Mesyuarat Agong Kali Ke 3 dan laporan kewangan yang berakhir pada 31 Disember 1994 telah diluluskan. Mesyuarat juga telah meluluskan 3 daripada 4 cadangan pindaan perlembagaan iaitu

Peraturan 4.2 Kelab hendaklah mengembalikan yuran yang terlebih potong dari ahli-ahlinya yang bertukar ke lain-lain Jabatan/ Kementerian sekiranya dipinta. Setiap ahli yang bertukar hendaklah membuat permohonan secara bertulis sekiranya mengkehendaki pemotongan yuran keahlian diberhentikan.

Peraturan 5.1 Bekas-bekas ahli Kelab yang bertukar ke Kementerian/Jabatan lain atau bersara daripada perkhidmatan Kerajaan boleh menjadi ahli Bersekutu *(Associate Member)*.

Peraturan 9.2 (a) Setiap ahli Jawatankuasa Kelab tidak dibenarkan menyimpan wang tunai/cek hasil kutipan Kelab yang melebihi RM 200.00 pada satu-satu masa. Kutipan tersebut hendaklah diserahkan kepada Bendahari untuk dimasukkan ke Akaun Kelab secepat mungkin atau dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan.

Seramai 291 ahli menghadiri mesyuarat Kelab dan setiap ahli yang hadir telah menerima cenderahati berupa topi. Majlis Mesyuarat Agong Kali ke Empat telah dimeriahkan lagi dengan 108 hadiah cabutan nombor bertuah.

SYARIKAT MINYAK SUKAN

Pesta sukan antara Syarikat-syarikat Minyak dan Kelab PDNP di adakan pada 9 dan 16 Julai 1995 (Ahad) bertempat di Pusat Latihan PETRONAS (PERMATA), Bangi, Selangor. Pesta ini bertujuan mengeratkan hubungan antara Agensi Kerajaan dengan Syarikat Sektor Swasta selaras dengan dasar persyarikatan Malaysia. Lebih kurang 600 orang menghadiri dan menyertai pesta sukan tersebut. Kelab yang mengambil bahagian dan jenis sukan yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

Pasukan yang menyertai Pesta Sukan

- Kelab PDNP
  Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- Kelab BP
  BP (M) Sdn Bhd
- Kelab Sukan Caltex
  Caltex Oil (M) Sdn Bhd
- Kelab Rekreasi ESSO
  Esso (M) Sdn Bhd
- Kelab Sukan MOBIL
  Mobil Oil Malaysia Sdn Bhd
- Kelab Sukan & Rekreasi PETRONAS
  Petroleum Nasional Berhad (PERTONAS)
- Kelab Sukan & Rekreasi
  Pertmal Oil (M) Sdn Bhd
- Kelab Sukan SHELL Kuala Lumpur
  Shell Companies In Malaysia

Sukan yang dipertandingkan

- Golf
- Tenis
- Bola Sepak
- Badminton
- Ping Pong
- Bowling dan
- Tarik Tali

Kehadiran ahli Kelab PDNP di Mesyuarat Agong 1995

MAAL HIJRAH

Majlis Maal Hijrah peringkat Kementerian telah diadakan pada 12 Jun 1995 jam 8:30 pagi di Dewan Thearatte, Tingkat 25, Putra Place, Jalan Putra, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dihadiri oleh Y. Bhg. Datuk KSU Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan seramai 300 Kakitangan Ibu Pejabat Kementerian Satu ceramah mengenai "Kecemerlangan Dalam Pengurusan Organisasi" disampaikan oleh Ustaz Haji Abd. Wahab Sha'arani bin Haji Ahmad dari Pusat Islam, Kuala Lumpur.

KUALITI

Pada 28hb. Jun 1995, pihak pengurusan Kementerian yang diketuai oleh Y. Bhg. Datuk KSU telah mengadakan lawatan dan taklimat daripada EXXON. Lawatan ini bagi mengetahui dan menimba pengalaman syarikat dalam peningkatan kualiti. Taklimat ini diketuai oleh En. Tom Tucker - Pengarah Pemasaran Syarikat ESSO Malaysia Bhd. Taklimat telah diadakan di Unit Latihan ESSO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Atas: Ketua Bahagian turut hadir di Majlis Taklimat "TQM" ESSO pada 28 Jun, 95.
Bawah: En. Tom Tucker (kiri) dan Y. Bhg. Datuk Shamsuddin B. Osman (kanan) semasa melawat Station Minyak ESSO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

TAHNIAH

Ahli Jawatankuasa sidang pengarang dan seluruh kakitangan Kementerian mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai yang telah menerima penganugerahan pingat dari Seri Paduka Yang di Pertuan Agong sempena ulang tahun Keputeraan Baginda yang ke 73 pada 3 Jun 1995 di Istana Negera. Mereka adalah,

Tuan Haji Jabar bin Kamin
(Pengarah Penguatkuasa)
Penganugerahan pingat Johan Mangku Negara (JMN)

Encik Ramly bin Haji Ali
(Pendaftar Syarikat)
Penganugerahan pingat Kesatria Mangku Negara (KMN)

Tuan Haji Adnan bin Mahfar
(Timbalan Pendaftar Syarikat)
Penganugerahan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN)

Tuan Haji Muhamed bin Ismail
Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri
(Cawangan Selangor)
Penganugerahan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN)

Encik Nik Mohd. Ariffin bin Jaafar.
Pegawai penguatkuasa , Kuala Lumpur.
Penganugerahan pingat Ahli Mangku Negara (AMN)

Semoga penganugerahan pingat ini akan memberi peransang untuk terus berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

MAJLIS MAKAN MALAM

TARIKH : 23 SEPTEMBER 1995 (SABTU)
MASA : 7:30 MALAM
TEMPAT : LEGEND GRAND BALLROM
HOTEL THE LEGEND
JALAN PUTRA
KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN

PERLANTIKAN BARU PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN

NAMA	BAHAGIAN	TARIKH
1. Mohd Fouzi b. Husin Pembantu Am Rendah Gred N13	Pejabat Pendaftaran Syarikat, Johor Bahru.	15.04.95
2. Mohammad Ali b. Ahmad Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10	Bahagian Penguatkuasa, Kuching, Sarawak.	15.04.95
3. Zainal Hashim b. Malaya Pekerja Rendah Awam Gred R11	Bahagian Penguatkuasa, Tawau, Sabah.	15.04.95
4. Awg. Marzuki b. Awg. Zamaludin Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10	Bahagian Penguatkuasa, Miri, Sarawak.	15.04.95
5. Awang @ Latif b. Abu Bakar Jaga Gred R11	Bahagian Penguatkuasa, Kuala Terengganu.	15.04.95
6. Samsudin b. Rejab Jaga Gred R11	Bahagian Penguatkuasa, Seberang Prai.	15.04.95
7. Mohd Hilmy b. Yusof Pembantu Am Rendah Gred N13	Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Johor Bahru.	02.05.95
8. Mohd Hafizul b. Mohd Ramli Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10	Bahagian Penguatkuasa, Wilayah Persekutuan.	16.05.95
9. Halina bt. Abu Bakar Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kuala Lumpur.	12.06.95
10. Halijah bt. Sarman Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9	Pejabat Pendaftaran Syarikat, Kuala Lumpur.	12.06.95
11. Parizah bt. Md. Shah Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Pejabat Pendaftaran Pernigaan, Kuala Lumpur.	12.06.95
12. Sazali b. Salih Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kuala Lumpur.	12.06.95
13. Nor Farita bt. Mohd Ali Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kuala Lumpur.	12.06.95
14. Zubir b. Hj. Omar Pekerja Rendah Awam Gred R11	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kuala Lumpur.	12.06.95
15 Zainuddin b. Muhamad Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N6	Bahagian Penguatkuasa, Cawangan Sibu.	22.05.95
16. Abd. Majid b. Mat Jusoh Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N6	Bahagian Penguatkuasa, Cawangan Miri.	15.06.95

PERTUKARAN DARI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA KE JABATAN LAIN.

NAMA	BAHAGIAN	KE	TARIKH
1. Zabedah bt. Mohd Taha Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Harta Intelek, Kuala Lumpur.	Bahagian Wilayah Tawau, Majlis Keselamatan Tawau Sabah.	02.05.95.
2. Hj. Mohd Saleh b. Ahmad Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kuala Lumpur.	Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.	01.06.95.

PERTUKARAN KE KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

NAMA	DARI	KE	TARIKH
1. Jalilah bt. Ahmad Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Jabatan Perancangan dan Desa, Kuala Lumpur.	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan	01.05.95
2. Latifah bt. Ismail Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9	Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur.	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan	19.05.95
3. Tn. Syed Abu Bakar b. Syed Hassan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kuala Lumpur.	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kuala Lumpur,	26.05.95
4. Talagavati a/p Karapayah Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kuala Lumpur	Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kuala Lumpur.	30.05.95

MELEPAS JAWATAN

NAMA	BAHAGIAN	SEBAB-SEBAB	TARIKH
1. Abd.Ghani b. Yusoff @ Md.Yusoff Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N6	Bahagian penguatkuasa, Kuala Lumpur.	Dilantik sebagai Penguasa Kastam, Kuala Lumpur.	16.05.95

PEGAWAI KEMENTERIAN YANG MELETAK JAWATAN

NAMA	BAHAGIAN	SEBAB-SEBAB	TARIKH
1. Normila bt. Abdul Latif Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kuala Lumpur.	Penyelia Komputer di Perusahaan Produa Sdn. Bhd.	15.05.95
2. Hamidun b. Omar Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E3	Bahagian Harta Intelek, Kuala Lumpur.	Jawatan Baru di Telekom Malaysia Berhad.	31.05.95
3. Apandi b. Muhamad Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10	Bahagian Penguatkuasa Cawangan Muar.	-	01.06.95
4. Zurina bt. Ishak Operator Mesin Prosesan Data Gred F9	Bahagian Sistem Maklumat, Kuala Lumpur	Jawatan Baru di Maybank	11.06.95

PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN YANG BERSARA

NAMA	BAHAGIAN	SEBAB-SEBAB	TARIKH
1. Habibah bt. Abd. Hadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3	Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kuala Lumpur.	Bersara pilihan sendiri	01.05.95
2. Idris b. Mohd Salleh Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E5	Bahagian Harta Intelek, Kuala Lumpur.	Bersara pilihan sendiri	01.05.95
3. Radiah bt. Mahmod Pembantu Tadbir (P/O) Gred N9	Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Ipoh.	Bersara pilihan sendiri	01.06.95
4. Rubiah bt. Salman Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9	Pejabat Pendaftaran Syarikat, Kuala Lumpur	Bersara pilihan sendiri	01.06.95

BENGKEL SPM 1/95

Ketua Jabatan dan Y. Bhg. KSU bersama Pegawai Kanan Kementerian di Majlis Perasmian Bengkel SPM 1/95

Kementerian telah mengadakan Bengkel Sistem Perakaunan Mikro (SPM) buat kali pertama pada 4hb hingga 9hb Jun 1995 di Merlin Inn Resort, Cameron Highland, Pahang. Bengkel telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Samsudin bin Osman - KSU Kementerian. Bengkel dihadiri oleh Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian. Antara tujuan bengkel ialah :

- Memberi kesedaran kepada peserta-peserta terhadap keperluan dan kegunaan SPM.
- Memupuk sikap positif di kalangan peserta-peserta terhadap penggunaan SPM dalam pengurusan kewangan kerajaan.
- Memberi pendedahan dan pengetahuan terhadap konsep dan objektif SPM.
- Memberi penjelasan dan kefahaman mengenai perkara-perkara seperti pengenalpastian output serta menawan komponen input untuk pengkosan secara proses atau projek.
- Memberi latihamal ke atas penyedian dokomen-dokumen dan laporan-laporan serta interprestasi laporan laporan.
- Memberi peluang kepada peserta-peserta untuk berbincang isu-isu / masalah-masalah dalam perlaksanaan SPM khusus kepada Bahagian masing-masing.
- Mengenalpasti strategi-strategi yang sesuai untuk perlaksanaan.

SPM telah diperkenalkan di sektor awam semenjak tahun 1992 melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 3/1992. SPM adalah rentetan daripada Sistem Belanjawan diubahsuai (MBS - Modified Budgeting System) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1990. Di bawah sistem ini pengurus-pengurus dapat mengenalpasti kos output bagi setiap aktiviti Bahagian dan boleh digunakan untuk merancang dan mengawal sumber-sumber kewangan secara optimum.

Unit Kewangan Kementerian selaku urusetia Bengkel mengucapkan terima kasih kepada En. Jamaludin bin Ismail (INTAN), En. Indrasathi a/l Muniandy (INTAN) dan En. Sudirman bin Mastuki (JANM) selaku pensyarah dan fasilitator perbincangan kumpulan.

Bengkel ini akan diadakan sekali lagi pada 6hb. hingga 10hb. November 1995 di Johor Bahru.

Kursus Induksi Kumpulan III telah diadakan pada 2 Mei - 20 Mei 1995 di Institut Latihan JKR (IKRAM), Bangi, Selangor. Seramai 41 peserta mengikuti kursus ini. Setiap peserta perlu mengikuti dengan jayanya dan sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Peserta Kursus terdiri daripada 18 orang Pemandu, 18 orang Pekerja Rendah Awam dan 5 orang Jaga.

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan sebahagian besar penceramah terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian. Urusetia kursus mengucapkan terima kasih kepada Fasilatator Kursus iaitu En. Mohd Romali bin Che Abbas (Penolong Pegawai Penguatkuasa), En. Abd Aziz B. Abd Ghani (Pembantu Tadbir, Bahagian Penguatkuasa) dan En. Gani bin Haron (Pembantu Tadbir, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan) dan Penceramah-penceramah.

Peserta Kursus Induksi Kumpulan III bergambar bersama Y.M. Raja Ismail bin Dato' Raja Mohamed di Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil Kursus pada 20 Mei 1995 di IKRAM, Bangi.

PROGRAM SINAR BUDI II

Pegawai Gred 3 KPDN & HEP

Seramai 40 pegawai gred 3 Kementerian menghadiri Program Sinar Budi bagi kali ke 2. Program ini telah diadakan pada 23 hingga 25 Jun 1995 di Pusat Latihan Belia, Pertak, Kuala Kubu Bahru. Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk KSU Kementerian dan turut hadir sama adalah ketua-ketua Jabatan.